

**NO. SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7214**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap pertubuhan tidak berdaftar iaitu Pasukan Peronda Sukarela (PPS); dan
- (b) pelan-pelan pemantauan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, "Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama".

Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang pula, rekod Kementerian ini menunjukkan bahawa PPS

tidak pernah momohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan oleh pihak polis dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang sedang berjalan.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan sentiasa memantau aktiviti-aktiviti pertubuhan yang terdapat di negara ini untuk memastikan aktiviti yang dijalankan tidak menyalahi undang-undang. Dalam hal ini, pemantauan dilaksanakan melalui undang-undang tubuh pertubuhan yang didaftarkan dan Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar pula, Kementerian mengenal pasti sesuatu pertubuhan melalui pengisytiharaan oleh pertubuhan tersebut melalui media massa, penerimaan aduan awam, risikan dan pelbagai maklumat lain yang diterima daripada pelbagai pihak.